

01 DEC 2002

TNB-Adek/I

AWANG ADEK DISEBUT-SEBUT PENGERUSI BARU TNB, PENGUMUMAN ESOK

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Bekas penolong gabenor Bank Negara Datuk Dr Awang Adek Hussin dijangka diumumkan sebagai pengerusi baru Tenaga Nasional Berhad (TNB), demikian menurut sumber.

Sumber itu hari ini berkata Awang Adek, 47, yang meletakkan jawatan dari bank pusat itu Jun tahun lepas untuk membabitkan diri secara aktif dalam politik, sudah menerima surat pelantikannya.

Pengerusi syarikat utiliti negara itu kosong ekoran peletakkan jawatan Datuk Dr Jamaluddin Jarjis pada 21 Nov lepas apabila beliau dilantik sebagai Menteri Kewangan Kedua.

Di Langkawi semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mengumumkan pelantikan pengerusi TNB yang baru tidak lama lagi.

Ditanya oleh pemberita calon pengerusi syarikat itu, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak boleh berikan (nama) kerana saya perlu melakukannya secara teratur dan rasmi."

Awang Adek yang berasal dari Kelantan, memperolehi Ph.D dalam ekonomi dari Universiti Pennsylvania Amerika Syarikat dan menjadi pensyarah di Universiti Sains Malaysia di Pulau Piang sebelum menyertai Bank Negara pada 1985 sebagai ahli ekonomi kanan.

Beliau memegang pelbagai jawatan di bank pusat itu, termasuk pengarah Jabatan Pengawalan Perbankan sebelum dipinjamkan ke Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) sebagai ketua pengarah pertama pada 1994.

Beliau dilantik sebagai penasihat Bank Negara pada 1996, jawatan yang kemudiannya dinamakan sebagai penolong gabenor, mengetuai Jabatan Kawalan Tukaran, serta Jabatan Penyeliaan Insurans dan Pengawalan Insurans.

Awang Adek menyertai Umno cawangan Perupok pada 1997 dan pada April tahun lepas, beliau dilantik sebagai timbalan ketua bahagian Umno Bachok.

-- BERNAMA

AU AU LAT